



UMP bangunkan modul transformasi belia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) membangunkan Modul Program Transformasi Belia (Trans-B) yang menampilkan program kemasyarakatan bagi memenuhi tanggungjawab sosial khususnya dalam melaksanakan agenda pembangunan sosioekonomi di negeri Pahang.

Pelancaran program dirasmikan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob sempena lawatan kerja beliau ke Kampung Pagi, Mukim Ulu Tembeling di Jerantut, Pahang pada 27 Oktober 2013 yang lalu.

Menurut Pengarah Program Tran-B, Imaduddin Abidin berkata, modul Trans-B ini merupakan salah satu program untuk dijadikan platform kepada golongan belia-belia untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman dalam aspek pengurusan persatuan belia.

"Sebanyak enam modul kemahiran dirangka bagi melancarkan program Trans-B ini yang antaranya, kemahiran menulis kertas kerja, pengurusan aktiviti/projek, pengurusan kewangan, mengendalikan mesyuarat, komunikasi dan berfikir," katanya.

Imaduddin berkata, pihaknya mensasarkan seramai 40 barisan kepimpinan Persatuan Belia Kampung dari 11 kampung yang dikenal pasti oleh PKNP bagi menyertai program ini.

Antara yang terlibat ialah Kampung Pagi, Jerantut, Kampung Sungai Temau, Lipis, Kampung Cherok Paloh, Kuantan, Kampung Sungai Miang, Pekan, Kampung Tanjung



Agas, Pekan, Kampung Pasir Panjang, Pekan, Kampung Lubuk Paku, Maran, Kampung Ganchong Hulu, Pekan, Kampung Ganchong Tengah, Pekan, Kampung Tanjung Batu, Pekan dan Kampung Kiambang, Pekan.

Tambah Imaduddin, peserta akan memperoleh ilmu dan kemahiran organisasi serta dapat mengaplikasikannya di dalam persatuan belia di setiap kampung.

Selain itu juga dengan usaha ini dapat melahirkan dan membentuk barisan belia yang mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi, berdaya maju, lebih produktif dan berdaya saing.

Beliau mengharapkan program ini bakal menjadikan persatuan belia sebagai organisasi yang sentiasa relevan, signifikan

dan menjadi peneraju terhadap kemajuan sesebuah kampung.

Selain itu, beberapa program yang akan dilaksanakan UMP menerusi Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) dan PKNP adalah Sijil Pengurusan Masjid, Program Transformasi Minda dan Hati Kaedah Biofeedback, Program Trasformasi Diri, Program Pemerksaan Ibu Tunggal, Projek Penggalakan Pelancongan dan Program Pendidikan.

Turut hadir Ketua Eksekutif PKNP, Dato' Haji Alias Mohd Noor, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tahan, Dato' Wan Amizan Wan Razak dan Pengarah Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat UMP, Profesor Dr. Zulkefi Yaakob.